

Rafidah hantar ratusan surat pada Mahathir

UM 31/10/2003 - 19 PRECISE

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

SETIAP kali mengimbas detik Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan peletakan jawatannya daripada parti dan kerajaan, nama Datuk Seri Rafidah Aziz tidak boleh tidak, pasti disebut sama.

Ketua Wanita UMNO yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu merupakan antara orang yang memainkan peranan penting sehingga Dr. Mahathir sanggup menanggung persaraannya untuk tempoh lebih setahun.

Rafidah adalah orang pertama yang menerpa ke rostrum mempersoalkan keputusan Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas, ketika orang lain masih

termangu dengan pengumuman itu.

Rafidah juga yang bersungguh-sungguh memujuk Dr. Mahathir menarik balik keputusan atas alasan: "tidak adil bagi Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi), parti dan rakyat menerima keputusan itu tanpa sebarang persediaan."

Bagi sesetengah pihak, mungkin Rafidah sedikit keterlaluan tetapi jika diimbangi sejarah penglibatannya dalam kerajaan, pasti tindakannya itu dapat difahami.

Rafidah dan Dr. Mahathir memulakan kerjaya politik sebagai Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO seawal zaman Allahyarham Tun Abdul Razak.

"Sejak zaman Dr. Mahathir ber'side burn' tebal lagi. Apabila Tun Hussein Onn lantik dia jadi Menteri Pelajaran,

saya dilantik Setiausaha Parlimen," katanya.

Apabila Dr. Mahathir membentuk Kabinetnya, beliau melantik Rafidah memegang portfolio Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Macam saya, apabila dilantiknya... terkejut. Sebab tidak sangka. Reaksi saya, 'Dr. Mahathir sudah memberi kepercayaan, saya tidak akan mengkhianatinya,'" kata beliau.

Prinsip Rafidah, jika seseorang itu mempunyai hubungan baik dengan Perdana Menteri, orang itu tidak boleh membuat sesuatu yang boleh mencemarkan nama baik beliau.

Malangnya kata Rafidah, sesetengah pihak atau individu tidak menjaga amanah itu dengan baik dan bersikap umpama tikus membaiki labu.

Lebih buruk lagi, menurutnya, kelemahan Dr. Mahathir ialah beliau seorang yang tidak pandai menilai karakter.

"Dia nampak orang baik dengannya, dia berbaik-baik tetapi orang itu ambil kesempatan.

"Mungkin sebagai pemimpin, moto Perdana Menteri ialah 'buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali,'" katanya.

Sebagai anggota Kabinet Dr. Mahathir yang menyaksikan tiga kali pertukaran Timbalan Perdana Menteri, Rafidah berkata, jelas 'timbangan-timbangan lalu kecuali (Tun) Ghafar Baba yang mengundur diri, tidak kekal kerana kadang-kala lebih naik togang daripadanya.'

"Mungkin salah kita juga, masa (Tan Sri) Musa Hitam, kita guna '2M'. Kita sama tarankan timbalan dengan Perdana Menteri maka kita tidak memberi penghormatan kepada orang yang nombor satu.

"Dalam mana-mana negara tidak

boleh ada dua pemimpin, mesti ada satu sahaja. Sebab itu masa Dr. Mahathir menjadi timbalan, kita tidak pernah dengar mengenyainya... pasal dia tahu tempat dia," katanya.

Walaupun pada masa itu tugasnya sebagai timbalan membolehkannya menonjolkan diri tetapi beliau tidak berbuat demikian kerana memberi ketutamaan kepada 'orang nombor satu.'

Menurutnya, keadaan itu diburukkan pula oleh ahli parti yang kadang-kala 'terlupa' sehingga melebihi pula timbalan sedangkan tindakan itu tidak menyebabkan wujud pasukan yang baik.

"Alhamdulillah Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) kita bersikap *low profile*. Pak Lah memang sengaja membezakan dirinya dengan Dr. Mahathir.

Pengalaman

"Memang dia sengajakan dirinya *low profile*, jadi amanlah. Memang adat dunia tidak boleh dua nakhoda dalam satu kapal," katanya.

Mengenali Dr. Mahathir secara peribadi, dalam politik dan pentadbiran, Rafidah melihat beliau sebagai seorang yang penyayang.

"Macam saya ni, seorang yang gelojoh pasal makan dan sebab itu selalu kena leter dengan Dr. Mahathir. Dikatakan saya *overflowing*. Sikap ambil beratnya itu tidak dibuat-buat," katanya.

Menurutnya, sentuhan peribadi Dr. Mahathir dalam berinteraksi dengan anggota Kabinet itu yang memberikan pengalaman menyenangkan untuk bekerja dengannya.

Memandangkan Perdana Menteri dan Rafidah masing-masing sibuk dengan tugas dan sering ke luar negara,

bila dan bagaimana mereka berbin-bang tentang masalah parti dan negara?

"Stail saya tidak berjumpa dengannya sebab tak banyak masa tetapi menulis surat tentang pelbagai perkara. Sejak tahun 1981 sampai sekarang, rasanya sudah beratus-ratus surat saya tulis. Jarang sekali surat memuji tetapi memberi pandangan dan cadangan tentang masalah dalam negara," katanya.

Beliau bersyukur kerana sehingga kini, banyak idea dan pandangannya diterima baik oleh Dr. Mahathir malah ada antaranya yang dilaksanakan.

Jika setahun lepas Rafidah tidak dapat menerima tindakan Dr. Mahathir meletakkan jawatan secara mengejut, beliau yang ditemui menjelang persaraan Perdana Menteri jelas sudah menerima kenyataan itu.

"Perasaan saya sudah diluahkan dalam bulan Jun 2002 kerana beliau sudah hendak berhenti pada masa itu.

"Alhamdulillah berjayanya... (saya nak kata) sayalah memujuknya bersama rakan-rakan supaya tidak meletak jawatan pada masa itu, maka ditangguhkan selepas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)," katanya.

Menurut Rafidah, walaupun perasaan sedih masih ada tetapi beliau tidak sesebak dulu sampai 'terkejut macam nak rak' mendengar pengumuman Dr. Mahathir.

"Kita dah tau masanya, kita tunggu sahajalah. Apabila tiba masa dia ucap selamat tinggal secara rasmi, sudah tentu perasaan sedih dan hiba.

"Tetapi oleh kerana sudah setahun empat bulan (diberi) masa untuk menerima kenyataan itu, jadi reda apa jua perasaan sebab yang ada dan kita lihat Dr. Mahathir juga, tidak berapa sebab sebab dia sudah bersedia," katanya.



RAFIDAH sempat bergurau dengan Dr. Mahathir dalam satu majlis UMNO pada tahun 1989.



TENAGA NASIONAL

PESANAN DR. M

BANGSA yang hanya pandai bercakap tetapi tidak mempunyai apa-apa kejayaan yang jelas akan diktawakan dan dihina oleh orang.

● Perhimpunan Desa Wawasan di Pahang, 28 November 1994.